

Soalan 6 hingga 9

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

6. Mesyuarat jawatankuasa khas tentang banjir
 A
 dan bencana alam akan dipengerusikan oleh
 B
 Menteri Dalam Negeri. Tiada kesalahan.
 C D

7. Ketika musim perayaan, jumlah kenderaan
 A
 di lebuh raya lebih banyak berbanding
 B
 di jalan persekutuan dan jalan negeri.
 C
 Tiada kesalahan.
 D

8. Kerajaan negeri akan mendirikan lebih
 A
 banyak pasaraya berdekatan dengan
 B
 taman-taman perumahan untuk kemudahan
 C
 penduduk di situ. Tiada kesalahan.
 D

9. Sesiapa sahaja tidak dibenarkan untuk
 mengubahsuai rumah pusaka ini meskipun
 A B
 pembahagian harta pusaka telah dilakukan.
 C
 Tiada kesalahan.
 D

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

10. I Hubungan Syidah dengan adiknya
 tajam akibat berebut harta.

- II Penjual daging itu menggunakan pisau yang tajam untuk memudahkan kerjanya.
 III Murid-murid yang melanggar disiplin itu berasa takut apabila Cikgu Zainal memerhatikan mereka dengan pandangan yang tajam.
 IV Perompak-perompak itu menggunakan senjata tajam untuk menakutkan pengawal keselamatan dan para pekerja di bank itu.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

11. I Perahu nelayan itu terumbang-ambing akibat dilambung ombak.
 II Pelajarannya terumbang-ambing semenjak ibu bapanya berpisah.
 III Lelaki tua itu berjalan terumbang-ambing ketika menggunakan jejantas.
 IV Penyanyi itu terumbang-ambing menjawab soalan para wartawan dalam Bahasa Inggeris.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 13

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Saya yakin yang kempen antidadah yang dilancarkan tadi akan mendapat sambutan daripada orang ramai.
 A yakin jika projek antidadah
 B yakin agar projek antidadah
 C yakin bahawa kempen antidadah
 D yakin yang kempen antidadah